

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW KON YEONG [TANJONG]

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan apakah pendekatan yang diambil bagi memastikan bekalan rantai sumber protein dapat dikekalkan dalam tempoh 10 tahun dari sekarang. Perincikan pecahan tangkapan sumber-sumber laut dalam tempoh 10 tahun sehingga kini mengikut negeri dan perairan negara.

JAWAPAN

Yang Dipertua,

1. Kementerian melalui Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) bertanggungjawab mengurus sumber perikanan agar bekalan ikan makan dalam negara kekal mapan. Dalam hal ini, Akta Perikanan 1985 telah menggariskan pengurusan dan pemuliharaan sumber perikanan melalui usaha-usaha seperti berikut:

- (i) Memperkenalkan pengezonan kawasan penangkapan ikan iaitu zon A, B, C dan C2 bagi mengelakkan konflik antara nelayan tradisional dan nelayan komersil;
- (ii) Menjalankan program *Monitoring, Control and Surveillance* (MCS) bagi mengawal pelanggaran syarat lesen termasuk pencerobohan kawasan sama ada daripada vesel penangkapan ikan tempatan atau asing;
- (iii) Pembekuan sementara ke atas semua permohonan lesen baharu vesel zon A, B dan C bagi mengawal eksploitasi sumber secara berlebihan;
- (iv) Mewajibkan pemasangan alat *Automatic Identification System* (AIS) ke atas semua vesel pukut tunda zon B dan C bagi tujuan pemantauan pergerakan vesel;
- (v) Menguatkuasa penggunaan saiz mata pukut keroncong tidak kurang daripada 38mm bertujuan mengurangkan peratusan komposisi anak-anak ikan (juvenil) dan ikan baja sehingga 25% tanpa menjejaskan komposisi ikan komersial;
- (vi) Mengurus perikanan melalui pendekatan ekosistem (*ecosystem approach to fisheries management – EAFM*) dalam usaha untuk memberi manfaat kepada komuniti dan kemapanan ekosistem perikanan untuk jangka masa panjang;

SOALAN NO : 127

- (vii) Pewartaan sebanyak 42 taman laut untuk tujuan pemuliharaan biodiversiti marin dan pengekalan sumber perikanan;
- (viii) Mewartakan kawasan refugia perikanan yang bertujuan untuk melindungi induk ikan dan berfungsi sebagai nurseri kepada anak-anak ikan. Dua lokasi telah dikenalpasti untuk dijadikan sebagai kawasan refugia iaitu di Kuala Baram, Sarawak (Udang Laut) dan Tanjung Leman, Johor (Udang Karang/Lobster).
- (ix) Melabuhkan 244 tukun tiruan di seluruh negara bagi meningkatkan produktiviti biologi dan sumber perikanan pesisir pantai; dan
- (x) Memperkenalkan teknologi yang boleh mengurangkan penangkapan juvenil seperti *Juvenil and Trash Excluder Device* (JTED).

2. Berdasarkan rekod pendaratan ikan di Malaysia, Negeri Perak merupakan penyumbang terbesar kepada pendaratan ikan marin iaitu sebanyak 3,425,057.20 tan metrik (21.4%), manakala Negeri Sembilan merupakan penyumbang paling kecil dengan jumlah pendaratan sebanyak 7,343.05 tan metrik (0.05%) bagi tempoh 10 tahun.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 127

Pecahan tangkapan sumber laut dalam tempoh 10 tahun sehingga kini mengikut negeri dan perairan negara (tan metrik) adalah seperti berikut:

DARATAN	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	JUMLAH
JOHOR BARAT	10,297.88	20,774.91	28,124.56	33,066.78	29,911.43	25,742.04	27,759.47	29,687.40	29,416.27	29,897.86	27,397.82	292,076.41
KEDAH	106,485.96	74,265.99	86,032.66	99,194.81	112,876.26	156,110.24	157,100.96	163,878.29	142,549.51	149,279.21	149,257.73	1,397,031.62
MELAKA	1,691.38	1,665.93	1,758.65	1,787.14	1,789.69	1,935.57	2,018.60	1,790.01	1,769.39	1,913.36	1,879.81	19,999.53
N.SEMBILAN	610.32	690.04	665.60	573.42	567.78	805.97	704.50	717.37	659.48	670.21	678.35	7,343.05
PERAK	258,086.24	303,509.05	301,545.15	315,816.85	307,185.94	329,344.32	346,852.99	367,346.52	266,555.95	313,856.77	314,957.42	3,425,057.20
PERLIS	178,246.51	165,298.47	135,001.01	118,448.77	99,592.29	96,450.35	85,499.18	99,866.12	105,892.89	95,995.43	113,526.33	1,293,817.36
P.PINANG	42,787.90	45,181.88	63,971.58	52,592.94	58,200.72	45,880.33	49,782.72	57,012.84	51,184.65	54,854.15	51,694.51	573,144.22
SELANGOR	131,349.73	144,439.56	107,964.87	120,782.75	105,559.82	92,436.74	90,025.88	93,459.73	125,517.28	141,271.29	156,423.89	1,309,231.53
JOHOR TIMUR	77,316.47	88,765.83	81,614.73	91,776.83	101,012.53	99,591.13	75,612.96	51,535.54	40,437.06	39,782.89	37,741.63	785,187.59
KELANTAN	58,890.92	63,843.80	72,395.71	76,457.66	57,110.66	62,237.75	146,443.04	218,758.18	196,131.76	99,413.87	90,205.44	1,141,888.79
PAHANG	115,985.36	120,918.69	104,042.93	112,086.46	107,347.92	91,146.16	111,536.54	120,417.58	118,066.39	121,210.82	99,745.53	1,222,504.37
TERENGGANU	84,319.06	72,921.17	65,023.14	80,726.29	72,224.30	58,784.29	51,185.18	44,702.51	47,268.86	41,730.24	40,454.23	659,339.27
W.P. LABUAN	29,436.82	30,613.09	28,560.88	49,763.47	73,172.77	25,737.27	18,506.87	17,508.61	18,384.94	19,326.41	20,277.93	331,289.06
SABAH	172,584.42	174,578.89	176,945.27	178,062.73	196,521.79	214,676.15	175,443.25	159,773.11	162,342.50	163,055.28	179,718.39	1,953,701.78
SARAWAK	125,135.67	121,414.33	119,458.63	141,102.63	159,825.90	157,249.48	147,578.72	147,992.87	158,935.88	180,604.54	168,549.42	1,627,848.07
JUMLAH	1,393,224.63	1,428,881.65	1,373,105.37	1,472,239.53	1,482,899.80	1,458,127.80	1,486,050.86	1,574,446.67	1,465,112.82	1,452,862.31	1,452,508.41	16,039,459.83